

5 FEB 1996

Mahathir - EAEC

MAHATHIR HARAP KERJASAMA DI PHUKET, BANGKOK TAMBAH KEANGGOTAAN EAEC

ALOR SETAR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri berharap kerjasama yang ditunjukkan oleh negara-negara bakal anggota Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) di Phuket Sabtu akan menggalakkan lebih banyak negara untuk menyertainya.

"Kita akan lihat sama ada kerjasama antara negara-negara EAEC ini mendatangkan faedah ataupun tidak kepada negara-negara lain.

"Kalau ia mendatangkan faedah, saya harap negara-negara yang masih enggan menyertai EAEC akan membuat keputusan untuk menyertainya," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Jitra.

Beliau diminta mengulas laporan berita yang mengatakan bahawa EAEC pada hakikatnya sudah menjadi kenyataan apabila menteri luar dari 10 negara yang bakal menganggotainya bertemu pada mesyuarat tidak rasmi di Phuket.

Mesyuarat itu untuk membuat persiapan sebelum rundingan dengan pemimpin Eropah dalam Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok.

Laporan itu menyebut bahawa menteri-menteri luar itu bersepakat dengan agenda yang akan dibincangkan semasa Aseam pada 1 dan 2 Mac nanti.

Ketika ditanya mengenai pendirian Jepun yang kelihatan masih enggan untuk menyertai EAEC, Dr Mahathir berkata bahawa negara itu perlu menimbang dengan teliti perkara itu.

Katanya, Jepun turut menghadapi masalah tekanan daripada Eropah dan Amerika Syarikat untuk memaksa semua negara membuka pasaran kepada negara maju.

"Bagi mereka, semua negara termasuk negara seperti Malaysia, mesti membuka pasaran sehingga syarikat negara maju boleh bergerak dalam negara membangun seolah-olah mereka adalah rakyat negara membangun...mendapat status nasional.

"Saya tidak tahu sama ada Jepun sanggup terima ataupun tidak kalau (syarikat) Amerika dapat masuk ke dalam Jepun dengan bebas begitu," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa pun pendirian Jepun, itu adalah soalnya sendiri tetapi beliau menegaskan bahawa Malaysia tidak sanggup membiarkan keadaan itu berlaku.

Kerana itulah, katanya, Malaysia berpendapat bahawa kalau Jepun bekerjasama dengan negara-negara EAEC, pasaran negara itu mungkin dilindungi daripada tekanan negara maju lain. -- BERNAMA

MFJ NMO